

22/10/1998

Najib mahu beri penerangan di Australia

PEKAN, Rabu - Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, akan mengambil kesempatan memberi penerangan mengenai senario semasa negara kepada pelajar Malaysia di Australia ketika melawat negara itu hujung tahun ini.

Menurutnya, usaha yang sama juga dilaksanakan oleh menteri lain, termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang melawat United Kingdom, baru-baru ini.

Katanya, gambaran sebenar mengenai apa yang berlaku sangat penting kerana kebanyakan pelajar Malaysia di luar negara tidak mendapat penerangan daripada pemimpin negara.

"Kita tidak mahu pelajar kita dipengaruhi laporan negatif dan khabar angin yang mungkin berpunca daripada agensi berita asing, termasuk CNN, CNBC serta Internet.

"Oleh itu, saya akan mengambil kesempatan menemui pelajar Malaysia sewaktu mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Australia hujung bulan ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai kejadian ribut yang melanda beberapa kawasan dalam Mukim Pahang, di dewan Kampung Marhum, dekat sini, petang ini.

Kejadian petang kelmarin itu menyebabkan dua lelaki cedera, manakala kira-kira 200 rumah dan sebuah sekolah mengalami kerosakan.

Najib berkata, memang tidak dinafikan pelajar Malaysia di luar negara dipengaruhi unsur negatif kerana mereka hanya mendapat maklumat yang negatif.

Mengenai kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Tokyo bahawa Malaysia lebih rela menyimpang daripada fahaman umum daripada dijajah, beliau berkata:

"Ini bermakna kita bertegas dengan pendirian kita, terutama dalam menghadapi tekanan spekulator matawang.

"Sebenarnya, tindakan Malaysia untuk menyedarkan masyarakat dunia mengenai spekulator matawang ternyata membuahkan hasil," katanya.

Mengulas kejadian ribut itu, Najib berkata Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) meluluskan peruntukan RM50,000 bagi membaiki Sekolah Kebangsaan Indera Shahbandar yang rosak.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kuantan, berkata peruntukan itu digunakan bagi menggantikan atap, membaiki kantin, garaj basikal dan rumah guru.

Katanya, murid yang belajar di bawah pokok, kantin dan surau sejak semalam boleh kembali ke kelas masing-masing selepas kerja terbabit siap esok.

"Saya berpuas hati dengan tindakan segera kerajaan negeri dan pejabat daerah dalam membantu mangsa kejadian berkenaan," katanya.

Beliau difahamkan setiap rumah yang rosak mendapat bantuan awal RM300 dan RM10 seorang untuk 32 keluarga nelayan yang hilang punca pendapatan selama tiga hari.

(END)